

SULIT
1 Bahasa
1 Melayu
1 Kertas 2
0 November
3 2021
2 2 $\frac{1}{2}$ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2021

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

[35 markah]

Soalan 1 – Morfologi**Panduan pemarkahan: Mengenal pasti perkataan dan membina ayat**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif yang betul (calon hanya perlu menyenaraikan tiga kata adjektif daripada petikan).
2. Bina satu ayat berdasarkan setiap perkataan yang disenaraikan.
3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
4. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
5. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
6. Perkataan digunakan sebagai nama khas/ kata majmuk/ kata ganda, berikan 0 markah.
7. Sengaja meninggalkan/ menambah/ mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
9. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
10. Boleh menggunakan struktur ayat cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
11. Ayat tidak jelas, berikan $\frac{1}{2}$ markah.
12. Ayat tidak logik, berikan 0 markah.

Kata Adjektif	Maksud
cerah	<ol style="list-style-type: none"> 1. tidak gelap atau tidak kelam; terang (bkn hari, bulan, lampu dll): Hari sudah ~. 2. dpt dilihat menerusnya (ttg kaca); jernih: kaca ~. 3. tidak hitam (ttg warna kulit); agak putih: Orangnya tinggi lampai serta berkulit ~. 4. berseri; tidak muram (ttg paras muka): Wajahnya kelihatan ~ setelah memakan ubat itu. 5. ki senang dan aman (ttg kehidupan seseorang); bahagia: Sejak harga getah naik, kehidupan mereka bertambah ~. mencerahkan menjadikan cerah. ke-cerahan keadaan cerah; kejernihan. pencerahan perbuatan atau proses mencerahkan: krim yg dpt membantu ~ kulit. pencerah sesuatu (bahan) yg mencerahkan kulit dsb: losen ~ kulit.
kini	<p>sekarang ini, waktu ini: ~ segala-galanya yg selama ini dirahsiakan telah diketahui umum; hingga ~ ke atas dr sekarang (ketika ini) dan selanjutnya; kekinian</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. keadaan terbaru atau mutakhir: ~ padanan dlm bahasa sasaran;

	2. keadaan masa kini: seorang penulis menyedari kehadirannya dlm ruang waktu ~nya; terkini yg paling kini, terbaru: penyelidikan yg ~ dlm ilmu bahasa.
efektif	ada kesannya (pengaruhnya), berkesan, mujarab (bkn ubat): satu sistem perkhidmatan awam yg ~ tidak akan wujud semata-mata kerana pelaksanaan disiplin yg kuat sahaja
selamat	1. terpelihara atau terhindar drpd bencana, terlepas drpd bahaya: tidak ~ berdiri tegak di dlm perahu yg kecil; ~ dr nahas jalan raya; 2. aman sentosa, sejahtera, tidak mendapat apa-apa gangguan: si kecil berasa ~ di dlm pelukan ibunya; 3. ucapan atau doa dgn harapan supaya sejahtera (terhindar drpd segala bencana, sampai hajat, dll) atau sbg tanda bersyukur: ketiga-tiga ratu itu pun me-nyuruh penggawanya membawa per-sembah dan memberi ~ akan baginda sesudah ber-putera; doa ~; kenduri ~; 4. harapan supaya aman sentosa (sejahtera dll) yg diucapkan sbg tegur sapa (salam): ~ datang; ~ jalan; ~ malam dll; berselamat mengucapkan kata-kata sapaan spt selamat pagi atau selamat petang kpd seseorang: tidak pernah aku ~ pagi kepada-nya; menyelamat ark mengadakan kenduri utk; menyelamatkan
boros	1. terbuka, terurai, lepas (tali yg diikatkan); 2. tidak hemat, suka mengeluarkan wang berlebih-lebih, suka memakai barangbarang berlebih-lebih: ia hidup terlalu joli dan ~; kalau ~ lekas kerugian prb orang yg boros itu akhirnya beroleh kesusahan; berboros berlaku boros: mereka menjaga diri drpd ~ atau ber hutang; memboroskan mengeluarkan (membelanjakan) wang berlebih-lebihan (membuang-buang wang), menggunakan barang-barang dll berlebih-lebihan (dgn cara yg membazir): ia banyak ~ harta bapanya; keborosan keadaan boros, sifat boros; pemborosan perihal boros atau memboroskan, perbuatan memboroskan (wang, barang, dll); pemboros orang yg boros atau bertabiat boros.
kecil	1. tidak besar atau kurang besarnya drpd yg biasanya (seharusnya, selalunya, dsb): seorang yg berbadan ~; rumah ~; kereta ~; almari ~; mangkuk ~; 2. tidak lebar, tidak luas: jalan ~; bilik ~; kawasan (daerah) ~; 3. masih rendah umurnya (masih kanak-kanak): budak yg masih ~ itu janganlah dipukul; 4. tidak besar modalnya atau urusan perniagaannya (perusahaannya dsb): pedagang ~; perniagaan ~; perusahaan ~; 5. tidak banyak (jumlahnya dll), sedikit: sebilangan ~ sahaja pelajar yg memilih kursus tersebut; perbezaan ~; perbelanjaan 6. tidak penting (mustahak): perkara-perkara ~ tidak dibincangkan dlm mesyuarat itu;

[Lihat halaman sebelah

	<p>7. tidak melibatkan banyak orang (pihak dsb) atau menimbulkan kesan yg sangat buruk (bkn pertengkaran, pergaduhan, perselisihan, dsb);</p> <p>8. tidak rumit, tidak sukar diatasi: ada beberapa masalah dan rintangan ~ yg perlu diselesaikan dulu;</p> <p>9. tidak tinggi (pangkat, taraf, kedudukan); orang ~ orang bawahan, orang kebanyakan;</p> <p>10. tidak kuat, halus: ketawa ~; suara ~; jangan (tak boleh) disangka anak, besar jangan (tak boleh) disangka bapa prb pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pd orang-orang tua sahaja (selalu juga ada pd orang-orang muda); ~ teranja-anja, besar terbawa-bawa, sudah tua terubah tidak prb kebiasaan semasa kecil menjadi tabiat yg sukar diubah apabila telah dewasa;</p>
--	---

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

(i)	Lima jenis ayat mudah iaitu ayat binaan, ayat tokoh, ayat sejarah, ayat semasa dan ayat tanya diperkenalkan [oleh] Pendekatan Tunjang.	[2 m]
(ii)	Karangan dimulakan [oleh] pelajar berdasarkan pengetahuan sedia ada. Berdasarkan pengetahuan sedia ada karangan dimulakan [oleh] pelajar.	[2 m]
(iii)	Permasalahan ini dapat diatasi [oleh] Pendekatan Tunjang walaupun mereka mempunyai idea yang terhad.	[2 m]
	Walaupun mereka mempunyai idea yang terhad permasalahan ini dapat diatasi [oleh] Pendekatan Tunjang.	

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Petikan 1

berbagai	- berbagai-bagai/ pelbagai
kearah	- ke arah
diperkenalkan	- diperkenalkan
bertahap	- bertaraf
anjuran	- penganjuran
penulis	- penulisan
seorang	- seseorang
menyuarkan	- menyampaikan

[Maksimum: 7 markah]

Petikan 2

- | | |
|-----------------------|---|
| teknologi | - teknologi |
| dari setahun ke tahun | - dari setahun ke setahun/dari tahun ke tahun |
| sosial media | - media sosial |
| pengaruh | - mempengaruhi |
| tentang | - akan |
| sewenang wenangnya | - sewenang-wenangnya |
| diperolehi | - diperoleh |
| buli | - jenayah |

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

(i)	Baginda fikir untuk berbicara/ bercakap/ hendak memuafakatkan/ menyatukan/ mendamaikan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja.	[1 m]
(ii)	Baginda menyuruh memanggil Seri Nara Diraja.	[1 m]
(iii)	Dia hadir/ datang.	[1 m]
(iv)	Titah Sultan Muzaffar Syah/ Sultan Muzaffar Syah bertitah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”	[1 m]
(v)	Sembahnya/ Sembah Seri Nara Diraja, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baik, tuanku.”	[1 m]
(vi)	Titah baginda/ Baginda (Sultan Muzaffar Syah) bertitah, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”	[1 m]

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. [2 m]
- Belakang parang jika diasah lagikan tajam. [2 m]
- Membaca jambatan ilmu/ Bangsa membaca bangsa berjaya. [2 m]

[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 6 dan 7:

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis.	2
Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis.	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis.	
Jawapan tidak tepat/ salah.	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	3
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat gramatis.	
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis.	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis.	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	4
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat masih gramatis.	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis.	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis.	0

Soalan 6 – Pemahaman(i) Maksud *mencapai matlamat* ialah...

- memperoleh/ mendapat/ meraih kejayaan/ sasaran/ impian/ hala tuju/ tujuan [2m]
- mencapai kejayaan/ sasaran/ impian/ tujuan/ hala tuju [1m]
- memperoleh/ mendapat/ meraih matlamat [1m]

[Maksimum: 2 markah](ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** persamaan ciri remaja yang memiliki harga diri yang cemerlang ialah...

- P1- mempunyai tingkah laku yang baik [1m]
 P2- memiliki disiplin yang tinggi [1m]

- P3- *budi pekerti luhur*
 P4- *berusaha cedek ya upaya* [Isi cukup: 1 isi]

Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** perbezaan ciri remaja yang memiliki harga diri yang cemerlang ialah...

- P1- Bahan 1 – budi pekerti yang luhur/ sentiasa menjaga penampilan diri [1m]
 P2- Bahan 2 – berbudi bahasa/ mengelakkan pelbagai gejala sosial [1m]

[Isi cukup: 1 isi]**[Maksimum: 3 markah]**

(iii) Pada pendapat saya, aktiviti-aktiviti yang perlu diadakan bagi mencapai matlamat program tersebut ialah...

- P1- ceramah motivasi agar dapat meningkatkan kesedaran [1m]
 P2- aktiviti berkumpulan agar dapat menonjolkan bakat kepimpinan [1m]
 P3- aktiviti fizikal agar dapat membina keyakinan dan keberanian diri [1m]
 P4- aktiviti berkumpulan untuk mengenali kelemahan dan kekuatan diri [1m]
 P5- program keagamaan agar dapat mengukuhkan ilmu agama bagi meningkatkan sahsiah diri [1m]

(Aktiviti lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]**

1+1

- (iv) Tindakan-tindakan yang perlu saya lakukan untuk meyakinkan ibu bapa bahawa pencapaian dalam bidang kurikulum juga sangat penting demikti kecemerlangan murid ialah...

- P1- menyediakan dan mematuhi jadual belajar [1m]
P2- memastikan tugas/ latihan sentiasa diselesaikan [1m]
P3- membuktikan pencapaian akademik yang konsisten [1m]
P4- berjanji untuk mengehadkan penyertaan dalam kurikulum [1m]
P5- mengikuti kelas tambahan/ kelas intensif/ bengkel/ seminar [1m]
P6- berbincang dengan guru jika tidak memahami/ menguasai sesuatu topik [1m]
P7- memaklumkan bahawa penyertaan kurikulum memberikan merit/ PAJSK [1m]

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Sastera

- (i) Maksud *meluahkan pandangan* ialah...
- melahirkan/ mengeluarkan/ mengemukakan/ menyatakan/ memberikan pendapat/ buah fikiran/ idea/ anggapan/ tanggapan [2m]
 - melahirkan/ mengeluarkan/ mengemukakan/ menyatakan/ memberikan pandangan [1m]
 - meluahkan pendapat/ buah fikiran/ idea/ anggapan/ tanggapan [1m]

- (ii) Berdasarkan semua bahan, kepentingan budi bahasa dalam kehidupan masyarakat ialah...

Bahan 1

- P1- [Orang Melayu] pandai/tahu membala budi/ jasa [1m]
 P2- [Orang Melayu] tidak tahu/ suka bermusuhan [1m]
 P3- [Orang Melayu] penuh dengan/ mementingkan persahabatan [1m]

Bahan 2

- P1- [Masyarakat] sentiasa mengenang budi/ jasa [1m]
 P2- [Masyarakat] akan dipandang tinggi/ dihormati kerana berbudi [1m]
 P3- [Masyarakat] akan dipandang mulia walaupun miskin [1m]
 P4- Budi bahasa memartabatkan bangsa [1m]

(Jawapan mesti diambil daripada kedua-dua bahan)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

- (iii) Pada pendapat saya, punca-punca yang menyebabkan masalah ini berlaku ialah...

- P1- Ibu bapa/ orang dewasa tidak menjadi contoh/ suri teladan kepada anak-anak [1m]
 P2- Gaya hidup masyarakat moden yang tidak mementingkan berbudi bahasa [1m]
 P3- Segelintir masyarakat berbangga dengan status/ kejayaan/ kekayaan [1m]
 P4- Anak-anak kurang mendapat didikan/ kasih sayang daripada ibu bapa [1m]
 P5- Anak-anak terpengaruh dengan kandungan media massa yang negatif [1m]
 P6- Anak-anak terpengaruh dengan rakan sebaya yang tidak berbudi bahasa [1m]
 P7- Masyarakat sekeliling tidak menegur anak muda yang tidak berbudi bahasa [1m]

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

*Peranti –
Percayang diorang sama.*

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

- (iv) Sebagai remaja yang prihatin, cara saya menangani situasi itu ialah...
- P1- menghentikan/ menegur/ menegah perbuatan biadab kumpulan anak muda tersebut [1m]
- P2- menasihati kumpulan anak muda tersebut agar lebih menghormati orang tua [1m]
- P3- melaporkan perbuatan kumpulan anak muda tersebut kepada pihak berkuasa [1m]
- P4- meminta bantuan daripada orang sekeliling [1m]
- P5- menenangkan orang tua tersebut [1m]
- P6- membantu orang tua tersebut sekiranya perlu [1m]
- P7- menemani/ menghantar orang tua tersebut ke tempat yang selamat [1m]
- P8- menghubungi ahli keluarga orang tua tersebut untuk meminta bantuan [1m]

(Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)

19 - *menegur dengan*

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8: Novel**Panduan pemarkahan bagi soalan novel****Soalan (i)**

- (i) Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
- (ii) Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis.
- (iii) Isi cukup tiga.

Soalan (ii)

- (i) Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang yang lengkap/jelas/betul.
- (iv) Beri 1 markah bagi huraian/contoh peristiwa yang lengkap/jelas/betul.
- (v) Markah isi maksimum **4 markah** (2 isi).
- (vi) Markah bahasa maksimum **2 markah**.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara *impression*.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (x) Markah bahasa boleh melebihi markah isi.
 - I - 1 markah
 - B - 2 markah
 - J - 3 markah

Jawapan soalan (i)

Cadangan-cadangan yang diberikan Muhammad Taufik ketika pembentangannya di hadapan Dato' Haji Mustofa ialah...

- P1- Majlis Daerah Kuala Selangor perlu melakukan penilaian semula terhadap pelan pencahayaan bandar [1m]
- P2- Majlis Daerah Kuala Selangor perlu merancang semula setiap pelan pencahayaan bandar [1m]
- P3- (Majlis Daerah Kuala Selangor) melaksanakannya dalam tahun kewangan yang akan datang [1m]
- P4- premis-premis komersial perlu dialihkan dari Balai Cerap Sultan Salahuddin dan tebing Sungai Selangor, sekurang-kurangnya 10 kilometer [1m]
- P5- meneliti cadangan kami (Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa) untuk mewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap [1m]

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Jawapan soalan (ii)

Peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang

Novel	Peristiwa Nilai Kasih Sayang (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Adnan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung.	Setelah mendengar berita bahawa Jepun akan menyerang Singapura, Adnan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung demi keselamatan mereka. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang Adnan terhadap ahli keluarganya.
	Peristiwa Pak Saidi sanggup mengayuh basikal setiap hari ke sekolah orang putih.	Demi memastikan masa depan anaknya, Adnan terjamin, Pak Saidi sanggup mengayuh basikal dari rumah ke sekolah orang putih di pekan Dengkil setiap hari. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang ayah terhadap anaknya.
Tirani	Peristiwa Raidah sanggup terbang seorang diri dari Sabah ke Singapura.	Walaupun tidak pernah berjalan jauh seorang diri, Raidah sanggup terbang ke Singapura untuk menemani Waheeda yang akan menjalani pembedahan di Silicon Medical Centre (SMC). Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.
	Peristiwa Waheeda membesarakan anaknya, Izzati seorang diri.	Walaupun tanpa suami, Waheeda tetap membesarakan Izzati dengan penuh kasih sayang sehingga berjaya menamatkan pengajian dalam bidang pengurusan perniagaan.

Novel	Peristiwa Nilai Kasih Sayang (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Merilyn @ Medina bimbang anaknya akan mati jika uji kaji dan penanaman pelbagai ubat ke dalam badan oleh Karl tidak dihentikan.	Merilyn melerikan Farisha daripada Karl dan menyerahkannya kepada keluarga angkat. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu yang memikirkan keselamatan anaknya.
	Peritiwa Azraai memasang <i>Retinal Scanner</i> di dalam rumah Farisha.	Azraai memasang <i>Retinal Scanner</i> untuk memastikan keselamatan Farisha terjamin berikutan peristiwa pembunuhan yang baru berlaku berdekatan apartmen Farisha. Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang abang kepada adik angkatnya yang tidak berbelah bahagi.
Silir Daksina	Peristiwa Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu.	Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ayah kepada anaknya yang terpisah akibat penceraian.
	Peristiwa Haiqal sanggup ke Batu Pahat, Johor seorang diri untuk menjelak peninggalan arwah Abdullah bin Kayan walaupun Haiqal tidak mengenali sesiapapun di sana.	Haiqal sanggup dimarahi oleh umi yang tidak membenarkannya pergi ke Johor. Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang anak kepada ayahnya yang sudah lama terpisah.

Novel	Peristiwa Nilai Kasih Sayang (1m)	Huraian (1m)
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa datuk dan nenek melayan Lili dengan baik walaupun dahulu ibu Lili tidak mendengar nasihat mereka berdua.	Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang datuk dan nenek Lili kepada cucunya walaupun hati mereka pernah kecewa dengan sikap ibu Lili yang keras kepala.
	Peristiwa Che Jah mengambil keputusan untuk bercerai dengan suaminya Seman demi keselamatan anak-anaknya.	Che Jah sudah tidak tahan dengan perlakuan ganas suaminya kepada anak-anaknya Haziq dan Rafiq. Demi kasih sayang Che Jah kepada anak-anaknya, dia mengambil keputusan untuk bercerai dengan Seman.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Dahlia sanggup untuk keluar dari asrama semata-mata mahu menjaga adik-adiknya di rumah.	Dahlia menyuarakan hasrat untuk keluar dari asrama kepada Embong kerana mahu menjaga adik-adiknya di rumah. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang kakak terhadap adik-adiknya.
	Peristiwa Dahlia menjaga Nek Kiah yang sakit.	Dahlia menjaga Nek Kiah yang jatuh sakit secara tiba-tiba dengan penuh kasih sayang walaupun neneknya itu membenci Dahlia sekeluarga. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang cucu kepada neneknya.

Novel	Peristiwa Nilai Kasih Sayang (1m)	Huraian (1m)
Pantai Kasih	Peristiwa Dr. Raiha tidak mahu menggugurkan kandungannya.	Dr. Raiha amat menyayangi anak dalam kandungannya walaupun mengetahui anaknya itu akan lahir dalam keadaan cacat. Suaminya turut mendesak Dr. Raiha untuk menggugurkan kandungannya tetapi Dr. Raiha berpendapat anaknya itu berhak untuk dilahirkan dan mendapatkan kasih sayangnya.
	Peristiwa ayah Dr. Raiha tidak bersetuju dengan hasrat Dr. Raiha berkahwin dengan Dr. Sadiz.	Ayah Dr. Raiha menyayangi anaknya itu sehingga dia menentang hasrat Dr. Raiha untuk berkahwin dengan Dr. Sadiz kerana faktor perbezaan usia yang jauh dan mengetahui sikap sebenar Dr. Sadiz.
Bimasakti Menari	Peristiwa Tan Sri Muhammin menyayangi anak tunggalnya Muhammad Taufik.	Tan Sri Muhammin sentiasa memenuhi segala permintaan anaknya, Muhammad Taufik dan menjaga anaknya itu dengan penuh kasih sayang walaupun selepas bercerai dengan isterinya, Maryam Wickham.
	Peristiwa Budiman sentiasa menemani dan menyokong aktiviti yang dijalankan oleh Nurul Hafsa.	Budiman amat menyayangi adiknya, Nurul Hafsa dengan memastikan keselamatan adiknya sentiasa terjaga. Budiman sentiasa menemani Nurul Hafsa ke mana-mana sahaja dia pergi.

Bahagian C; Rumusan

[30 markah]

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

- (a) Isi [20 markah]

Pendahuluan - 2 markah

Isi (8 isi) - 16 markah

Kesimpulan - 2 markah

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berganda/ berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Pengiraan Isi

Bilangan Isi	Bilangan isi calon	Bilangan isi diterima (cadangan)						
Bahan 1 (maksimum 7 isi)								
Fokus 1 (manfaat - 4 isi)	4	4	3	2	1	1	1	
Fokus 2 (usaha - 6 isi)	6	3	4	5	6	5	4	
Bahan 2 (minimum 1 isi)								
Fokus 1 (manfaat - 3 isi)	3	1	1	1	1	2	3	
JUMLAH (kombinasi setiap bahan)					8			

Pendahuluan [2 markah]

- | | |
|---|---------------|
| P1 Rumusan membincangkan (Fokus 1) <u>manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan</u> e-sukan dan (Fokus 2) <u>usaha-usaha/ langkah-usaha/ cara-cara</u> untuk memajukannya.
P2 Rumusan membincangkan (Fokus 1) <u>manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kebaikan-kebaikan/ kepentingan-kepentingan</u> e-sukan.
P3 Rumusan membincangkan (Fokus 2) <u>usaha-usaha/ langkah-usaha/ cara-cara</u> untuk memajukan e-sukan.
P4 Rumusan membincangkan e-sukan. | Markah |
|---|---------------|

Isi [16 markah]**Bahan 1 (Petikan)****Fokus 1 – (manfaat/ faedah/ kebaikan/ kepentingan e-sukan):**

- | | |
|--|---------------|
| F1-1 <u>pemain-pemain akan</u> ditawarkan ganjaran dan hadiah, (yang lumayan).
F1-2 <u>mampu</u> memberikan impak positif kepada sektor pelancongan negara
F1-3 <u>mempunyai potensi</u> untuk memartabatkan nama negara di persada antarabangsa
F1-4 <u>bertujuan untuk</u> mencungkil bakat anak muda | Markah |
|--|---------------|

Bahan 1 (Petikan)**Markah****Fokus 2 - (usaha/ langkah/cara untuk memajukannya):**

- | | |
|---|---------------|
| F2-1 pihak <u>kerajaan</u> telah memperuntukkan RM10 juta bagi pembangunan e-sukan
F2-2 <u>Kerajaan Persekutuan</u> memberikan peruntukan <u>RM10 ribu</u> kepada Jabatan Belia dan Sukan Melaka (JBSM)
F2-3 <u>kerajaan</u> merancang untuk mengadakan pertandingan e-sukan <u>di pelbagai peringkat</u>
F2-4 <u>kerajaan negeri Melaka</u> merancang untuk membina stadium e-sukan dalam tempoh dua tahun
F2-5 e-sukan boleh dijadikan subjek dalam pembelajaran <u>di sekolah</u> ataupun <u>di peringkat pengajian tinggi</u>
F2-6 kursus baharu perlu diwujudkan <u>di peringkat universiti</u> | Markah |
|---|---------------|

Bahan 2 (Info Grafik)**Fokus 1 – (manfaat/ faedah/ kebaikan/ kepentingan e-sukan):**

- F1-5 mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dalam e-sukan 2
 F1-6 imej negara meningkat 2
 F1-7 komuniti pengemar e-sukan meningkat 2
 F1-8 peluang pekerjaan yang pelbagai 2
 F1-9 ~~peluang kerjanya meningkat~~ 1

Markah**Kesimpulan [2 markah]**

- K1 Kesimpulannya, semua pihak perlulah menyokong pelaksanaan e-sukan agar kemajuan sukan ini dapat ditingkatkan. 2
 K2 Kesimpulannya, aktiviti e-sukan perlu diperluas agar manfaatnya dapat dinikmati bersama. 2
 K3 Kesimpulannya, semua pihak perlulah menyokong pelaksanaan e-sukan. 1
 K4 Kesimpulannya, semua pihak perlulah menyokong pelaksanaannya. 0

Markah

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai.)

(b) Bahasa [10 markah]

Markah bahasa dinilai secara holistik:

Peringkat	Markah Bahasa	Kriteria
Cemerlang	8 – 10	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi sangat baik - Struktur ayat/ tatabahasa sangat baik - Kosa kata sangat luas dan tepat - Tanda baca/ ejaan betul
Baik	5 – 7	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih baik - Kosa kata masih luas - Tanda baca/ ejaan masih betul
Lemah	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat/ dalam bentuk poin walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, pertimbangkan **markah bahasa** di peringkat sederhana.
 (ii) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT